

Kadar cukai vape terlalu tinggi

Kadar cukai *vape* terlalu tinggi

Oleh SHAFIQAH SHUKOR
shafiqah.shukor@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM) menyifatkan kadar cukai produk rokok elektronik (*vape*) yang dinaikkan sebanyak 200 peratus dan dilaksanakan pada harga RM1.20 bagi setiap milliliter (ml) cecair bernikotin dan tanpa nikotin, sebagai terlalu tinggi dan perlu dikaji semula.

Ketua Penerangan DPVM, Ashraf Rozali berkata, rata-rata pemain industri terutama pengilang merasakan jumlah tersebut adalah terlalu tinggi dan akan memberi kesan kepada industri yang sekali gus menyebabkan harga produk itu akan meningkat di pasaran.

“Pengilang tidak ada pilihan melainkan menaikkan harga produk jualan kerana setiap kadar cukai yang dikenakan adalah hampir sama dengan harga jualan produk.

“Sebagai contoh, setiap botol 30ml cecair akan dikenakan cukai sebanyak RM36. Dengan kadar itu, anggaran harga jualan cecair *vape* akan mencecah dua kali ganda harga semasa bagi setiap botol 30ml.

“Oleh itu, harga cukai baharu itu tidak hanya menjejaskan satu pihak tetapi akan memberi kesan kepada keseluruhan ekosistem termasuk beban kepada pengguna,” katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Ashraf berkata, baru-baru ini, kerajaan juga telah



KADAR cukai yang tinggi akan meningkatkan harga produk *vape* di pasaran yang akhirnya akan memberikan kesan kepada keseluruhan ekosistem industri tersebut, termasuk kepada pengguna. - UTUSAN/GAMBAR HIASAN

mengumumkan satu akta mengawal selia rokok tembakau bersama dengan *vape* akan dibentangkan pada tahun depan.

Jelasnya, walaupun industri menyokong langkah mengawal selia industri *vape*, ia harus dibezakan daripada rokok tembakau.

Ashraf memberitahu, produk *vape* bukannya rokok tembakau dan ia tidak patut disamakan termasuk dari aspek peraturan.

Katanya, sekiranya sama,

ia hanya akan terus menguntungkan syarikat tembakau dan tidak memberikan insentif untuk perokok beralih menggunakan *vape*.

“Produk *vape* haruslah diiktiraf sebagai satu alat yang boleh membantu perokok berhenti merokok dan peraturan yang dibuat harus mempunyai komponen yang boleh mendorong perokok beralih dan menggunakan *vape* yang juga terbukti kurang mudarat daripada rokok

tembakau,” katanya lagi.

Mengulas lanjut, Ashraf menekankan, keseluruhan ekosistem *vape* termasuk pengeluar, peruncit sehingga pengguna akhir harus mengambil bahagian dalam menentukan hala tuju industri untuk menjadi satu cabang ekonomi yang berdaya saing.

“Sudah tiba masanya untuk ahli-ahli industri yang lain termasuk pengilang dan pengguna menzahirkan sokongan mereka untuk turut serta dalam usaha-

usaha kami memperjuangkan isu utamanya yang berkaitan cukai dan juga undang-undang.

“Orang ramai dialu-alukan untuk memberi sokongan kepada industri ini dan menandatangani petisyen supaya kerajaan mengkaji semula kadar cukai tersebut agar ia mengambil kira kepentingan industri tempatan dan membuat peraturan kawal selia khusus untuk *vape* yang berbeza dan berlainan daripada rokok tembakau,” katanya.